



**PEJABAT KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA**

*Office of Director-General of Education Malaysia*

**ARAS 8, BLOK E8**

*Level 8, Block E8,*

**KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E**

*Government Complex Parcel E,*

**PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN**

*Federal Government Administrative Centre*

**62604 PUTRAJAYA**

*Tel: 03-8884 6077*

*Fax: 03-8889 4548*

*Laman web: <http://www.moe.gov.my>*

KP(BS-DSR)8787/008/2/Jld.1 (9)  
30 Mei 2006

Semua Pengarah Pelajaran Negeri

**SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL 5/2006:**

**PENUBUHAN KELAB PENCEGAHAN JENAYAH DI SEMUA SEKOLAH RENDAH DAN MENENGAH KERAJAAN DAN BANTUAN KERAJAAN**

Kelab Pencegahan Jenayah (KPJ) telah ditubuhkan di sekolah-sekolah menengah sejak tahun 1999 dalam kawasan yang dikenalpasti oleh pihak polis sebagai kawasan berisiko tinggi. Penubuhan Kelab tersebut adalah sebagai salah satu usaha berterusan pihak Kementerian Pelajaran Malaysia untuk meningkatkan kesedaran dan kepekaan murid-murid terhadap kemungkinan berlakunya perbuatan jenayah dan langkah-langkah mencegahnya. Selain daripada itu, penubuhan Kelab ini juga telah dapat mengeratkan lagi hubungan kerjasama antara sekolah dengan pihak polis dalam usaha menubuhkan perbuatan jenayah sama ada di dalam atau di luar kawasan sekolah.

2. Kementerian Pelajaran berpendapat Kelab Pencegahan Jenayah ini mampu memainkan peranannya bukan saja di sekolah menengah tetapi juga di sekolah-sekolah rendah. Sehubungan itu, Kementerian Pelajaran telah memutuskan supaya penubuhan Kelab Pencegahan Jenayah diperluaskan ke semua sekolah menengah dan rendah di seluruh negara.

3. Sehubungan dengan itu, kerjasama Y. Bhg. Dato'/Tuan/Puan adalah dipohon untuk memastikan supaya semua sekolah di bawah pentadbiran Y. Bhg. Dato'/Tuan/Puan menubuhkan Kelab Pencegahan Jenayah dengan kadar segera. Sila pastikan semasa merancang penubuhan kelab tersebut perhatian diberikan kepada perkara-perkara berikut:

- 3.1 Penubuhannya hendaklah mengikut Peraturan-Peraturan Pendidikan (Persatuan Sekolah) 1998, Akta Pendidikan 1996 yang telah diwartakan pada 21 Mei 1998.
- 3.2 Semua kelab hendaklah menggunakan Perlembagaan Kelab yang telah disediakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia seperti di Lampiran A.
- 3.3 Perancangan dan pelaksanaan aktiviti hendaklah berfokuskan kepentingan murid.

- 3.4 Aktiviti yang dilaksanakan mestilah dalam lingkungan batasan yang dibenarkan.
- 3.5 Penasihat kelab hendaklah menjadi penggerak utama dan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pengurusan, perjalanan dan pelaksanaan pelbagai kegiatan kelab.

4. Dengan ini Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.7/1999, Penubuhan Kelab Pencegahan Jenayah Di Sekolah Menengah bertarikh 10 Jun 1999 adalah **terbatal**.

5. Sila maklumkan kandungan Surat Pekeliling Ikhtisas ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di Jabatan Pelajaran Negeri, Pejabat Pelajaran Daerah/Gabungan serta Pengetua dan Guru Besar sekolah-sekolah di bawah pentadbiran Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**



**DATO' Dr. HAJI AHAMAD BIN SIPON**  
Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia

- s.k.
1. Y.B. Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein  
Menteri Pelajaran Malaysia
  2. Y.B. Dato' Hon Choon Kim  
Timbalan Menteri Pelajaran Malaysia
  3. Y.B. Dato' Noh bin Omar  
Timbalan Menteri Pelajaran Malaysia
  4. Y.B. Puan Komala Devi  
Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran
  5. Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran
  6. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran
  7. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Kementerian Pelajaran
  8. Ketua-Ketua Bahagian Kementerian Pelajaran
  9. Ketua Nazir Sekolah Kementerian Pelajaran
  10. Penasihat Undang-Undang Kementerian Pelajaran
  11. Pegawai Perhubungan Awam Kementerian Pelajaran

**PERLEMBAGAAN  
KELAB PENCEGAHAN JENAYAH**

**1. NAMA**

Kelab ini dikenali dengan nama Kelab Pencegahan Jenayah (KPJ)  
Sekolah ..... (nama sekolah).

**2. ALAMAT**

(Alamat lengkap sekolah)

**3. TUJUAN KELAB**

- 3.1 Memupuk rasa patuh kepada peraturan sekolah dan undang-undang negara.
- 3.2 Melahirkan kesedaran dan rasa tanggungjawab dalam pencegahan jenayah.
- 3.3 Menanam nilai-nilai moral yang tinggi dalam kalangan murid bahawa pencegahan adalah lebih baik daripada memerangi jenayah.
- 3.4 Menyediakan garis panduan pengurusan pencegahan jenayah dan melaksanakan aktiviti-aktiviti yang berfaedah.
- 3.5 Melahirkan murid yang bertanggungjawab kepada agama, bangsa dan negara.

**4. TEMPAT MESYUARAT, PERJUMPAAN DAN AKTIVITI**

- 4.1 Tempat mesyuarat dan perjumpaan Kelab adalah tidak terhad kepada mana-mana bilik, dewan atau kawasan sekolah dengan syarat mendapat kebenaran pihak pentadbir sekolah terlebih dahulu.
- 4.2 Aktiviti kelas boleh juga diadakan di tempat-tempat lain di luar kawasan sekolah dengan syarat mendapat kebenaran pentadbir sekolah. Perjalanan aktiviti tersebut hendaklah disertai oleh guru penasihat.

## 5. KEAHLIAN

Keahlian Kelab Pencegahan Jenayah terbuka kepada semua murid sekoiah berkenaan.

## 6. JAWATANKUASA KELAB

Pengetua/Guru Besar hendaklah menjadi penaung Kelab dan Penolong Kanan Hal Ehwal Murid (HEM) dan Guru Disiplin hendaklah dilantik oleh Pengetua/Guru Besar sebagai Penasihat Kelab. Pegawai Perhubungan Sekolah (Polis) boleh menjadi penasihat bersama.

6.1 Penaung : Penaung ialah Pengetua/Guru Besar

6.2 Penasihat : Penolong Kanan Hal Ehwal Murid (HEM)  
Guru Disiplin, dan  
Pegawai Perhubungan Sekolah (Polis)

6.3 Jawatankuasa Kelab hendaklah terdiri daripada kalangan murid-murid yang dilantik untuk memegang jawatan-jawatan melalui pemilihan dalam Mesyuarat Agung Tahunan dan jawatan-jawatan tersebut adalah seperti berikut

Pengerusi  
Naib Pengerusi  
Setiausaha  
Penolong Setiausaha  
Bendahari  
5 orang ahli jawatankuasa

6.4 Dua (2) orang pemeriksa kira-kira hendaklah dilantik daripada kalangan ahli Kelab.

## 7. MESYUARAT

7.1 Mesyuarat Agung

7.1.1 Mesyuarat Agung Penubuhan.

- Perlembagaan yang disahkan oleh Pengetua.
- Pemilihan Jawatankuasa Kelab.
- Perancangan aktiviti asas yang disahkan oleh Pengetua.

### 7.1.2 Mesyuarat Agung Tahunan

- Laporan Tahunan Kelab.
- Laporan Kewangan Kelab.
- Pemilihan Jawatankuasa Kelab yang baru.

### 7.1.3 Mesyuarat Agung Tergempar

Mesyuarat Agung Tergempar boleh diadakan apabila:

- Diarahkan oleh Guru Penasihat.
- Diminta oleh Ahli Jawatankuasa.
- Diminta secara bertulis oleh sekurang-kurangnya 1/3 daripada ahli.

Mesyuarat tersebut hendaklah diadakan dalam tempoh 21 hari daripada tarikh penerimaan permintaan dan dihadkan kepada urusan yang khusus sahaja.

### 7.2 Mesyuarat Jawatankuasa

- Membentangkan dan mengesahkan minit mesyuarat
- Membincangkan perkara yang berbangkit
- Laporan aktiviti
- Laporan kewangan
- Perancangan aktiviti

7.3 Jawatankuasa Kelab hendaklah mengemukakan secara bertulis kepada Pengetua/Guru Besar laporan yang lengkap tentang perlembagaan dan peraturan Kelab, senarai ahli jawatankuasa dan perancangan aktiviti tahunan dalam tempoh 14 hari daripada mesyuarat agung penubuhan.

## 8 KEWANGAN.

- 8.1 Mendapatkan kewangan melalui yuran, derma dan sumber-sumber lain.
- 8.2 Jumlah wang yang ditetapkan untuk setiap ahli diputuskan dalam Mesyuarat Agung Tahunan.
- 8.3 Wang Kelab hanya untuk perkara-perkara yang perlu dan berfaedah bagi mencapai tujuan aktiviti Kelab.
- 8.4 Jumlah wang tunai yang boleh disimpan ditangan Bendahari diputuskan dalam Mesyuarat Agung Tahunan. Wang selebihnya hendaklah diserahkan kepada Pengetua/Guru Besar/Penasihat.

8.5 Setiap perbelanjaan wang Kelab hendaklah dengan kelulusan Jawatankuasa.

## **9. BATASAN DAN PEMBUBARAN**

9.1 Aktiviti Kelab Pencegahan Jenayah hendaklah dapat memberi manfaat kepada guru atau murid.

9.2 Kelab Pencegahan Jenayah tidak boleh melibatkan diri dalam propaganda politik yang memudaratkan kepentingan negara/awam.

9.3 Kelab Pencegahan Jenayah tidak boleh melaksanakan apa-apa jua aktiviti yang memudaratkan murid.

9.4 Pendaftar Sekolah/Pengetua/Guru Besar boleh membubarkan Kelab selepas berpuas hati bahawa Kelab tersebut telah melanggar mana-mana peruntukan batasan yang ditetapkan

10. Kelab Pencegahan Jenayah adalah tertakluk kepada semua undang-undang dan peraturan yang telah dan akan dikeluarkan oleh Kerajaan dan Kementerian Pelajaran Malaysia.